

18 OCT 2003

MTEN-ABDULLAH

PERANCANGAN MTEN DITERUSKAN DI BAWAH PIMPINAN ABDULLAH AHMAD BADAWI

KUCHING, 18 Okt (Bernama) -- Semua rancangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), yang memberi tumpuan mengesan sumber ekonomi, akan diteruskan apabila Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pucuk pimpinan bulan depan.

Pengarah Eksekutif MTEN Datuk Mustapa Mohamed berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menegaskan bahawa tiada perubahan dari segi fungsi serta peranan MTEN selepas ini, malah sebaliknya akan diteruskan oleh Abdullah.

"Persetujuan itu dicapai pada mesyuarat exco MTEN yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir baru-baru ini di Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita selepas sesi perbincangan "Pengstruktur dan Halatuju Ekonomi Malaysia" pada satu forum ekonomi di Santubong dekat sini.

Forum dua hari antara pelajar institusi pengajian tinggi Sarawak dengan MTEN itu diadakan untuk memberi pendedahan dan pandangan mengenai kedudukan semasa ekonomi negara di peringkat tempatan dan global serta kesannya terhadap pembangunan.

Mustapa berkata Abdullah turut hadir pada mesyuarat yang diadakan dua minggu sekali itu, baru-baru ini.

Dalam meneruskan komitmen dan peranan MTEN, Abdullah juga akan memberi pelbagai imput kepada pengubah dasar untuk menghadapi era globalisasi ini, katanya.

-- BERNAMA

CJ NHD